

YOGYAKARTA KOTA RINDU, PULANG DAN ANGKRINGAN

Oleh: Nurul Afidatul Anis binti Mohd Zuki, 1171278

Fakulti Pengajian Bahasa Utama (FPBU), Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)

Disiarkan pada 8 Jun 2020

Yogyakarta sarat dengan sejarah, adat dan budaya. Tidak hairanlah jika ia juga dikenali sebagai kota budaya berikutan keunikan warisan dan tempat-tempat bersejarah di situ yang sentiasa menarik kunjungan pelancong.

Kota ini pernah dinamakan sebagai Kota Kebudayaan ASEAN pada tahun 2018 bagi mengiktiraf keunikan seni budaya yang dipamerkan oleh penduduknya dalam kehidupan seharian mereka.

Baru-baru ini, saya berpeluang melihat sendiri beberapa lokasi tumpuan pelancong di kota yang diabadikan oleh penyair Indonesia, Joko Pinurbo dalam bait sajaknya yang berbunyi:
“Yogya terbuat dari rindu, pulang, dan angkringan.”

Masjid Gedhe Kauman



Pandangan hadapan Masjid Ghede Kauman yang memaparkan keunikan seni binanya.

Masjid Gedhe Kauman dibina pada 29 Mei 1773 untuk dijadikan tempat keluarga diraja dan rakyat beribadat. Suatu ketika dahulu, pernah berlaku insiden tersalah arah kiblat di masjid ini.

Keunikan Masjid Gedhe Kauman dapat dilihat pada ukiran dan seni bina serta kawasan di dalamnya yang masih lagi menonjolkan unsur-unsur diraja. Contohnya, mimbar yang diperbuat dari ukiran kayu yang disalut emas.

Jalan Malioboro



Jalan Malioboro sering menjadi tumpuan pelancong untuk membeli-belah.

Salah satu lokasi yang menjadi tumpuan pelancong pada waktu malam adalah Jalan Malioboro.

Keindahan pemandangan pada waktu malam di jalan sepanjang 2.5 kilometer ini dapat dilihat dari segi kehidupan masyarakat Yogyakarta yang kaya dengan adat dan budaya tersendiri.

Salah satu laluan di Jalan Malioboro dikenali sebagai 'jalan seni' di mana sekumpulan penghibur jalanan membuat persembahan tarian Jawa yang diiringi muzik angklung.

Hampir setiap malam Jalan Malioboro dipenuhi pengunjung yang tidak pernah putus-putus datang membeli cenderahati, kain batik dan makanan tradisional yang boleh dibeli dengan harga yang berpatutan.

Jangan terkejut jika melihat sekumpulan individu melakukan upacara berunsur mistik yang diselubungi aroma asap dupa di toko Hamzah Batik di jalan ini.

Gunung Merapi



Keindahan puncak Gunung Merapi pada waktu pagi.

Keindahan Gunung Merapi yang penuh dengan misteri dan tragedi menjadi pilihan bagi mereka yang menggemari aktiviti luaran atau lasak.

Semasa cuaca cerah, kita dapat melihat dengan jelas gunung tersebut menjulang tinggi dan gagah.

Untuk sampai ke puncak, perjalanan mengambil masa tiga jam dengan menaiki jip yang disediakan. Perjalanan akan melalui beberapa tempat seperti Muzium Merapi, rumah-rumah yang terjejas akibat lava dan Batu Alien sebelum sampai ke puncak.

Kunjungan ke Gunung Merapi mengingatkan kita tentang kebesaran Allah SWT di mana letusan gunung berapi yang dahsyat memuntahkan lava yang menyuburkan kawasan yang dilandanya selepas ia sejuk.

Memang benar apa yang diungkapkan Joko Pinurbo tentang Yogyakarta dalam sajaknya. Sesiapa sahaja yang pernah tiba di kota itu pasti merindui suasana dan kenangan di sana yang sentiasa menggamit kita untuk mengunjunginya sekali lagi.